



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

DASHBOARD BEYOND GDP

DOSM Lancar Dashboard Beyond GDP bagi Mengukur Kemajuan Negara Secara Lebih Menyeluruh

PUTRAJAYA, 7 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melancarkan **Dashboard Beyond GDP**, sebuah platform digital yang dibangunkan bagi menyediakan perspektif yang lebih menyeluruh dalam menilai kemajuan pembangunan negara melangkaui ukuran ekonomi konvensional. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan DOSM untuk memperkukuh penyebaran statistik rasmi negara melalui penyampaian data yang lebih interaktif, mudah diakses dan mesra pengguna, sekali gus menyokong perancangan serta pembuatan keputusan berasaskan bukti.

Dashboard Beyond GDP menghimpunkan 18 indikator utama yang disusun mengikut tiga dimensi utama, iaitu Kesejahteraan (*Well-being*) yang merangkumi 5 indikator, Keterangkuman (*Inclusion*) dengan 7 indikator dan Kemampanan (*Sustainability*) melibatkan 6 indikator. Antara indikator yang dipaparkan adalah Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI), Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI), Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI), Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI), Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI), Pekali Gini, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Akaun Pindahan Negara (NTA). Dashboard ini turut menyediakan paparan visual interaktif yang membolehkan pengguna membuat analisis mengikut tahun dan negeri.

Mengulas mengenai pelancaran tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Dashboard Beyond GDP merupakan satu langkah penting ke arah memperluas kaedah pengukuran kemajuan negara dengan mengambil kira aspek kesejahteraan rakyat, keterangkuman sosial dan kemampanan alam sekitar. Pendekatan ini membolehkan pembangunan negara dinilai secara lebih holistik, sekali gus memperkukuh asas penggubalan dasar dan perancangan pembangunan negara."

Pembangunan Dashboard Beyond GDP adalah selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa yang mengiktiraf bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sahaja tidak lagi mencukupi untuk menggambarkan kemajuan sesebuah negara secara menyeluruh. Inisiatif ini turut menyokong saranan *United Nations High-*

Level Expert Group (HLEG) on Beyond GDP yang menggalakkan negara mengintegrasikan dimensi kesejahteraan, keterangkuman dan kemampanan dalam sistem statistik rasmi bagi menghasilkan ukuran kemajuan yang lebih menyeluruh.

Pelancaran Dashboard Beyond GDP mencerminkan komitmen berterusan DOSM dalam memperkukuh ekosistem statistik rasmi negara melalui inovasi digital dan penyampaian maklumat yang lebih berimpak. Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI inisiatif ini dijangka memperluas penggunaan statistik rasmi sebagai asas kepada pembangunan negara yang lebih inklusif, mampan dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

Dashboard Beyond GDP boleh diakses melalui <https://www.dosm.gov.my/portal-main/article/beyond-gdp-dashboard>

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM Geohub merupakan platform pemetaan digital bagi memudahkan akses kepada statistik rasmi negara yang diintegrasikan dengan maklumat geospasial dan boleh diakses melalui portal <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM turut membangunkan **Kalkulator Jangka Hayat** yang boleh diakses melalui laman web <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> serta dimuat turun sebagai aplikasi menerusi Google Play Store dan App Store.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 JULAI 2026